

BAB PERTAMA: LATAR BELAKANG KESULTANAN MELAYU BRUNEI

1.1 Pengenalan

Dalam membincangkan peradaban Melayu, ruang Melayu yang akan digunakan merujuk kepada konsep tamadun Melayu seperti yang telah disebut oleh Prof Ismail Hussein (2001:66) dan dijelaskan lagi oleh Prof Hashim Musa (2001:22).

1. Dunia Melayu Inti – merangkumi daerah Melayu majoriti beragama Islam contohnya Malaysia, Brunei dan kelompok Melayu-Islam di pelbagai daerah persisiran di Nusantara.

2. Dunia Berbahasa Melayu – merangkumi masyarakat yang mengambil Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama, contohnya Malaysia, Brunei, Indonesia dan kelompok berbahasa Melayu di Thailand, Filipina, Burma dan Sri Lanka.

3. Dunia Rumpun Melayu -- merangkumi rumpun pribumi Formosa atau Taiwan sekarang.
4. Dunia Melayu-Polinesia - meliputi segala-galanya, suku kaum pribumi di puluhan ribu kepulauan di Lautan Pasifik, merentasi Lautan Hindi ke Pulau Malagasi (Madagascar).

Kawasan ini pada suatu masa dahulu mempunyai sejarah besar satu kelompok umat yang pernah mencipta peradaban yang dikenali sebagai Peradaban Melayu. Di sinilah dahulunya tertegaknya kesultanan Melayu yang menjadi simbol kepada peradaban Melayu seperti Sriwijaya, Melaka, Aceh, Patani dan Brunei. Rantau ini juga pada suatu masa dahulu pernah menyaksikan pertembungan peradaban dunia dari Timur dan Barat. Ini dapat dilihat melalui pengaruh kedatangan orang China, India, Arab dan juga Eropah/Barat. Jelas kedatangan mereka telah memberi pengaruh besar kepada perkembangan Peradaban Melayu samada dalam bentuk positif dan juga negatif.

Kesultanan Melayu Melaka dan juga Kesultanan Melayu Aceh telah mencapai kegembilan dalam aspek-aspek tertentu misalnya Kerajaan Melaka terkenal sebagai sebuah pusat perdagangan pada masa kegembilangannya dan Kerajaan Aceh sebagai pusat keilmuan dan penyebaran Islam. Tanpa menafikan

kepentingan dan kegemilangan pusat peradaban Melayu yang lain, di Borneo juga terdapat kesultanan Melayu seperti Kesultanan Melayu Brunei, Kesultanan Melayu Sambas, Kesultanan Melayu Pontianak dan beberapa lagi kesultanan Melayu yang tidak kurang pentingnya dalam mewarnai naik turunnya peradaban Melayu. Kajian ini akan menjurus kepada salah sebuah kesultanan Melayu di Borneo iaitu Kesultanan Melayu Brunei yang dikategorikan dalam Dunia Melayu Inti. Sebagai salah sebuah daripada Dunia Melayu Inti, pastilah Kesultanan Melayu Brunei mempunyai signifikan yang tersendiri. Lebih-lebih lagi Kesultanan Brunei dianggap satu-satunya kerajaan yang masih mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu di alam Melayu pada hari ini (Izziah Suryani Arshad, 2003:322).

Kesultanan Melayu Brunei yang mewarisi peradaban Melayu banyak memberi kesan kepada perkembangan peradaban Melayu di Nusantara dengan melihat kemampuannya menghadapi cabaran dan mengekalkan kewujudannya ke hari ini. Kesultanan Melayu Melaka misalnya, setelah jatuh ke tangan kuasa Barat mengalami nasib yang memilukan apabila Kesultannya terus lenyap dan kini diserap menjadi sebuah negeri yang tidak lagi mempunyai Sultan di Malaysia. Kerajaan Aceh menjadi tanah jajahan Indonesia dan menjalankan pemerintahan berdasarkan sistem Presiden seperti di Barat. Begitu juga dengan Kerajaan Melayu lain yang pernah wujud dan kini hanya tinggal kenangan dalam lipatan sejarah. Kesultanan Melayu Brunei yang mengalami zaman

kemerosotannya akibat kerakusan kuasa penjajah Barat sehingga menjadi satu kawasan yang kecil, namun ia tetap mampu menjadi bukti hidup (*living proof*) terhadap kewujudan peradaban Melayu dan khususnya Kesultanan Melayu di Nusantara. Setelah menjadi sebuah negara jajahan kuasa Barat, selama hampir seratus tahun, akhirnya Brunei mencapai kemerdekaan pada 1984 dan kini ia menjadi sebuah negara Melayu yang merdeka dan berdaulat. Pada tahun 2004, genaplah 20 tahun kemerdekaan negara Brunei Darussalam dari penjajahan Barat. Kajian ini cuba melihat sebuah kerajaan Melayu yang mewakili peradaban Melayu iaitu Kerajaan Brunei; bagaimana permulaan dan kemunculannya dalam persada dunia, kemudian penulis cuba mengkaji bagaimana kemampuan peradaban Melayu di Brunei untuk berinteraksi samada secara konflik ataupun harmoni apabila bertembung dengan peradaban asing serta pengaruh yang terdapat hasil daripada pertembungan dengan peradaban luar.

Sesuai dengan sifatnya yang dinamik, sesuatu peradaban sentiasa memberi dan menerima apabila ia bertembung dengan suatu peradaban lain. Melalui sifat memberi dan menerima inilah ia terus berkembang. Sesuatu pertembungan itu dapat dilihat dalam dua dimensi; sama ada ia dalam bentuk yang harmoni melalui dialog, lawatan-lawatan muhibbah, hubungan diplomatik, perdagangan yang aman dan sebagainya ataupun pertembungan itu dalam bentuk konflik yang disertai dengan pertumpahan darah dan peperangan, hegemoni dan penjajahan, paksaan dan ugutan serta tipu muslihat. Sejarah telah membuktikan bentuk-bentuk

pertembungan ini wujud dalam pelbagai tempat dan meninggalkan kesan negatif dan positif yang berkekalan sehingga ke hari ini.

Kerajaan Melayu Melaka pernah wujud di bahagian barat Nusantara Kepulauan Melayu, manakala di bahagian timurnya pula wujud sebuah kerajaan Melayu lain iaitu Kesultanan Melayu Brunei. Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, Brunei Darussalam telah mengambil alih peranan Melaka dan menjadi penggerak kepada perkembangan Islam di sebelah timur kepulauan Melayu hingga ke pulau Luzon, Cebu dan lain-lain. Fenomena ini bersesuaian dengan pendapat Akbar Ahmad berkaitan dengan Teori Alunan seperti yang turut dijelaskan oleh beberapa sarjana Melayu seperti berikut

“Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511, telah mendatangkan beberapa kesan terhadap masyarakat Melayu. Tujuan utama kedatangan Portugis adalah untuk menghancurkan perdagangan Islam di rantau ini dan melumpuhkan kekuatan pengaruh Islam. Penaklukan Melaka pula menyebabkan kedudukan pedagang Islam di Melaka menjadi sulit. Oleh itu ramai daripada mereka yang berpindah ke Brunei, Johor, Bentan dan Jawa Barat.” (Muhammad Yusoff Hashim, 1992)

Wan Hashim Wan Teh pula menjelaskan

“kekalahan Melaka di tangan Portugis pada 1511 masih belum membawa kepada kejatuhan ummah Melayu sebagai komuniti perdagangan yang kukuh dan mantap. Kegiatan perdagangan yang berpindah ke beberapa pusat lain seperti Kepulauan Riau, Kepulaan Maluku, Aceh, Nusa Tenggara, Brunei dan Patani masih tetap berada dalam genggaman rumpun Melayu.”(Wan Hashim Wan Teh: 2001)

Kemunculan Brunei sebagai sebuah pusat kepada peradaban Melayu Islam berdasarkan teori Akbar Ahmad ini juga disebut oleh Hashim Musa sebagai

“Apabila Melaka dikalahkan dalam tahun 1511 oleh Portugis dalam rangka mereka meneruskan semangat perang salib untuk menewaskan kerajaan-kerajaan Islam, tamadun Melayu Islam tidak terkubur di Melaka. Sebaliknya pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang lain telah muncul di Patani (1500), di Brunei (sekitar akhir kurun ke 15),”(Hashim Musa, 2001:54)

Portugis sebagai kuasa barat yang berjaya menakluk Melaka begitu berharap sekali penguasaan ke atas Melaka akan menjadikan mereka sebagai kuasa tunggal yang akan memonopoli perdagangan di nusantara. Dalam masa yang sama, mereka boleh menyekat penguasaan pedagang Islam yang dilihat

sebagai agen penyebar Islam. Keadaan ini bertepatan dengan matlamat utama mereka. Namun ramalan mereka tidak tepat dan harapan mereka meleset. Ini kerana jatuhnya Melaka tidak bermakna terhalangnya penyebaran Islam. Sebaliknya muncul beberapa lagi pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang baru seperti yang disebut oleh Akbar Ahmad dalam Teori Alunannya. Kesultanan Melayu Brunei adalah salah satu dari pusat baru tersebut.

Kerajaan Brunei dari awal lagi telah berinteraksi dengan pelbagai peradaban asing seperti India/Hindu, China/Konfusius, Arab/Islam dan Barat/Kristian. Sebelum kemasukan tamadun luar ke Brunei, Brunei telah pun mempunyai kerajaan dan budaya yang tersendiri. Melalui interaksi dengan peradaban India, telah memberi kesan dalam beberapa aspek kehidupan masyarakat Melayu. Setelah itu pertembungan dengan peradaban China pula melalui hubungan diplomatik dan perdagangan terus memperkuatkan Kesultanan Melayu Brunei. Kedatangan Peradaban Islam melalui orang Arab ternyata telah memberi kesan besar yang mengubah bentuk dan jati diri Kesultanan Melayu Brunei dan seterusnya menjadi teras kepada Kesultanan Melayu Brunei. Peradaban Barat juga tidak dapat lari daripada bertembung dengan Kesultanan Melayu Brunei. Hubungan Brunei dengan Barat melibatkan beberapa negara seperti Sepanyol, Portugis, Belanda, Amerika dan British. Pertembungan dengan Peradaban Barat turut memberi kesan yang besar kepada perkembangan Kesultanan Melayu Brunei. Kesemua bentuk dan kesan

pertembungan ini akan dibincangkan dalam bab-bab yang akan datang. Pertembungannya dengan peradaban asing ini ternyata menyumbang kepada naik turunnya Kesultanan Melayu Brunei.

Pertembungan Peradaban adalah satu proses penting dalam perkembangan sesuatu tamadun. Sejarah telah menjelaskan bahawa semua peradaban berkembang dan muncul hasil daripada interaksi dengan peradaban yang lebih awal. Perkara inilah yang disebut oleh Quigley sebagai ‘percampuran budaya dan instrumen peluasan’. Begitu juga dengan Kerajaan Melayu Brunei telah bertembung dengan tamadun luar. Pertembungan ini telah mengubah corak dan seterusnya mempengaruhi Peradaban Melayu. Pertembungan samada dalam bentuk yang harmoni ataupun berkonflik sedikit sebanyak telah mempengaruhi peradaban Melayu.

Kajian ini turut melihat dan menganalisis Kesultanan Melayu Brunei sebagai satu simbol kekuatan dan keagungan peradaban Melayu selain daripada Kerajaan Melaka. Kerajaan Melaka mempunyai kekuatannya tersendiri yang menjadikannya sering diingati. Begitu juga dengan Kerajaan Aceh. Seperti mana Melaka dan Aceh, Kerajaan Brunei juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Dalam konteks pertembungan dengan tamadun luar, Kesultanan Melayu Brunei telah berinteraksi dengan hampir semua peradaban besar seperti peradaban Islam, China dan Barat. Setiap peradaban luar ini mempunyai

pegangan dasar kerajaan mereka tersendiri. Islam dengan konsep ‘lita’ arafu’ iaitu saling kenal-mengenali, menerima perbezaan bangsa dan kaum yang diciptakan Allah dan ini bertujuan untuk saling kenal-mengenali (Al-Hujurat:13). Manakala peradaban China dengan konsep ‘ren’ dan ‘li’ serta memakmurkan jiran untuk memakmurkan diri sendiri dan peradaban barat dengan prinsip “*white’s man burden*”. Berdasarkan prinsip inilah mereka berinteraksi dengan Peradaban Melayu dan pengaruhnya akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

Melalui kajian terhadap naik turun sesuatu peradaban serta proses berlakunya pertembungan ini nanti, kita boleh mempelajari iktibar bagaimana sesebuah Kesultanan yang luas, dulunya meliputi kepulauan Borneo dan Sulu serta Filipina kini tinggal begitu kecil sekali.

1.2 Asal-usul Nama Brunei Darussalam

Terdapat pelbagai nama yang merujuk kepada sebutan Brunei berdasarkan pelbagai sumber dan catatan. Antara sumber tersebut ialah dari catatan Negara China, Arab dan juga Barat.

Hasil temuduga penulis dengan Awang Haji Zainuddin Haji Hassan, Penyelidik di Pusat Sejarah Brunei, antara nama-nama yang merujuk kepada

Brunei ialah Ye-po-ti, Poli, P'olo, Puni dan Poni. Terdapat beberapa sumber yang membincangkan tentang asal-usul nama Brunei pada peringkat awal disebut dalam bahasa Sanskrit dengan nama Bharuna atau Varuna manakala pedagang Arab menyebut *Zabaj* atau *Randj* dan *Kamrun* (sebutan kepada Pulau Brunei). Kedudukan Brunei dan pelabuhannya yang teduh serta hasil-hasilnya menjadikan Brunei terkenal di kalangan ahli pelayaran dan pedagang-pedagang yang berulang-alik dari Tanah Arab ke India, Alam Melayu, China dan sebaliknya melalui jalan perdagangan lama yang dikenali sebagai ‘Jalan Sutera Laut’ atau ‘Jalan Rempah’ ke Alam Melayu. Catatan-catatan serta riwayat-riwayat daripada beberapa sumber serta artifak-artifak yang dijumpai di Brunei juga membuktikan kewujudan Kerajaan Brunei Tua. Di antara riwayat itu ialah catatan atau rekod China terutamanya riwayat kedinastian yang silih berganti seperti Liang Shu, Tang Shu, Sung Shih, dan Ming Shih (R. Braddell, 1989:214) yang menyebutkan kerajaan Po-li, Po-lo dan Po-ni sekiranya dihalusi dengan teliti akan menunjukkan bahawa kerajaan-kerajaan itu ialah sebutan China bagi Kerajaan Brunei awal.

Menurut catatan dari China, Kerajaan Brunei merupakan sebuah negeri yang mantap, kuat dan berpengaruh. Kewujudan Brunei telah lama dikenali dalam sumber catatan dari China dengan beberapa nama seperti Po-ni, Bun-lai atau Wei-lan. Menurut sumber dari China, Brunei mempunyai sejarah lama. Menurut seorang pengkaji sejarah Brunei, Pengiran Haji Jamil Sufri, perbezaan riwayat China dari segi nama ini disebabkan oleh perubahan dinasti yang berlaku di

Negara China yang menyebut mengikut sebutan masing-masing. Selain daripada sumber catatan dari China terdapat juga sumber catatan Arab yang merujuk kepada Kerajaan Brunei. Dalam catatan dari Arab, Brunei dikenali dengan nama 'Zabaj' atau 'Randj' (Muhd. Jamil Sufri, 1997:1).

Menurut seorang pengkaji di Pusat Sejarah Brunei, Saudara Awang Zainuddin, Kerajaan Brunei telah wujud sejak berkurun-kurun yang lalu sezaman dengan kerajaan-kerajaan yang tertua di rantau ini. Mengikut salasilah Raja-Raja Brunei, kerajaan Brunei adalah sezaman dengan Kerajaan Tarumanegara di Jawa. Berdasarkan prasasti (batu bersurat) yang dijumpai berhampiran Tanjung Priok, di Jakarta. Kerajaan Tarumanegara wujud pada kurun ke-5M dan merupakan Kerajaan Hindu/Buddha yang tertua di Jawa (wujud sebelum T.M. 450). Daripada bukti kewujudan stupa di Kianggeh dan di Buang Abai di Limbang menunjukkan bahawa Kerajaan Brunei awal itu sezaman dengan Tarumanegara seperti yang disebutkan dalam Salasilah Raja-Raja Brunei.(Awang Zainuddin, tt)

Dalam catatan Fa-hsien pada T.M. 413–414, beliau melaporkan tentang negeri Ye-po-ti yang disinggahinya itu seperti disebutkan oleh Paul Wheatley:

"and so they went on for more than ninety days they reached a country named Yeh-p'o-ti, where heresies and Brahmanism were flourishing. . . " (P. Wheatley, 1961:38)

Pada zaman Dinasti Ming (T.M. 1368-1643) ada menyebut Puni dan Brunei dengan nama Brunei, iaitu pada T.M. 1397 semasa pemerintahan Maharaja Chien-Wen, beberapa buah negeri yang pernah memutuskan hubungan dengan China datang semula menghantar utusan dengan membawa barang-barang pesembahan antaranya dari Annam, Siam, Jawa, Liu-ku, San-bo-tsai (Palembang), Brunei (utara pantai Borneo), Sumatera (utara pantai Sumatera dan lain-lain negeri. Sebutan Brunei kemudiannya dipelatkan oleh orang Cina dengan sebutan ‘Bun Lai’ hingga ke hari ini. (Joseph Needham , 1984: 761)

Perbezaan riwayat China ada menyebut Brunei sebagai P'o-li, P'o-lo dan Puni (P'o-ni) adalah berpunca daripada perubahan dinasti yang berlaku di Negeri China; setiap dinasti yang memerintah menyebut Brunei pada masa itu mengikut kebiasaan masing-masing seperti Dinasti Liang (T.M. 502-556) menyebutkan P'o-li; Diansti Tang (T.M. 618- 906) menyebutkan P'o-lo; manakala Dinasti Sung (T.M. 906-1279) dan Dinasti Ming (T.M. 1368-1643) menyebutkannya Puni dan juga Brunei yang dipelatkan oleh orang China menjadi ‘Bun-lai’.

Kesimpulannya, kepelbagaiannya nama Brunei adalah menunjukkan bahawa Brunei adalah sebuah kerajaan yang telah lama wujud dan sepanjang kewujudannya ia dirujuk dengan gelaran yang berbeza oleh pemerintah dan dinasti yang berlainan zaman dan pemerintahan.

1.3 Sejarah Awal Brunei

Sejarah awal Brunei dapat dikesan berdasarkan sejarah zaman tamadun manusia terawal yang ditemui di kawasan yang dikenali sebagai Kota Batu. Dari aspek ketamadunannya, Brunei merupakan pusat peradaban manusia pada zaman antara 500 hingga 1000 tahun yang lampau. Ini terbukti dengan terdapatnya jumpaan-jumpaan lama seperti tembikar, mata wang lama dari China dan Brunei. Tambahan pula pada zaman kegemilangan kemaharajaan Buddha Sriwijaya pada abad ke -8, Borneo Barat adalah tempat persinggahan yang paling disukai ahli pelayaran dan pedagang dari India dan China. Apabila kemaharajaan Hindu-Jawa Majapahit muncul pada abad ke-13, Borneo menerima pengaruh Majapahit.

(Sabihah Osman, 1995: 1)

Selain daripada itu, menurut cerita lagenda Melayu Brunei yang terdapat dalam “Syair Awang Semaun”, terdapat kisah mengenai penemuan negara Brunei. Dalam Syair Nagarakretagama pula, Kerajaan Brunei dikatakan pernah menjadi jajahan takluk Majapahit. Setelah diisyiharkan bebas daripada Majapahit, Kerajaan Brunei bernaung pula dengan Negara China sehingga wujudnya interaksi erat antara Kerajaan Brunei dan Negara China (Ranjit Singh, 1984:13-14). Jelaslah bahawa kewujudan Brunei mempunyai sejarah yang lama dan bukanlah hanya sebuah perkampungan kecil tetapi sebuah negara yang mempunyai sistem pemerintahan dan undang-undang.

1.4 Kesultanan Melayu Brunei Darussalam

Kewujudan sebuah Kesultanan Melayu di Borneo atas nama Kesultanan Melayu Brunei diungkap oleh Hashim Musa seperti berikut

"Di Pulau Borneo, muncul sebuah pusat tamadun Melayu Islam terulung iaitu Kesultanan Melayu Brunei sebagai mana kemunculan kerajaan Islam Aceh dan kerajaan Melayu Johor-Riau-Lingga. Brunei dikatakan menerima Islam apabila rajanya bernama Awang Alak Betatar memeluk Islam dengan menggunakan gelaran Sultan Muhammad (1363-1402) (Hashim Musa, 2001:167)

Ternyata kewujudan Kesultanan Melayu Brunei setanding dengan kesultanan Melayu yang lain seperti Kesultanan Melaka, Kesultanan Patani dan Kesultanan Aceh. Malah dalam aspek tertentu, Kesultanan Brunei mempunyai keistimewaan yang unik dan mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam melengkapkan Peradaban Melayu di nusantara.

Mengikut konsep Melayu Islam Beraja, aspek kesultanan amatlah penting.

Malah kesultanan menjadi salah satu ciri penting dalam peradaban Melayu yang berkekalan di Brunei sehingga kini. Kerajaan Brunei telah mempunyai barisan kesultanan bermula dari Sultan Muhammad Syah sehingga Sultan Hassanal Bolkiah yang memerintah Brunei sekarang. Di sini dibincangkan secara ingkas beberapa orang daripada kesultanan Brunei Darussalam.

Sultan Muhammad Syah

Sejarah Kesultanan Melayu Brunei bermula dengan pengislaman Raja Brunei ketika itu yang bernama Awang Alak Betatar. Beliau kemudian mengambil gelaran Sultan Muhammad Syah. Beliau merupakan Sultan pertama dalam Kesultanan Melayu Brunei. Baginda merupakan Sultan Brunei pertama yang memeluk Islam setelah berkahwin dengan Puteri Johor (Temasek). Orang Cina menggelar baginda sebagai Ma-ha-mo-sha. Puteri baginda bernama Ratna Dewi telah berkahwin dengan Ong Sum Ping digelar Pengiran Maharja Lela. Baginda mangkat pada 1402M digantikan oleh putera baginda Abdul Majid Hasan.

Perbincangan mengenai Sultan Muhammad sangat signifikan. Ini kerana beliau merupakan watak utama dalam konteks pertembungan dengan Peradaban

Istam. Ternyata peranan yang dimainkan pemerintah memberi impak besar kepada perkembangan Islam di Brunei seperti juga di kawasan Kepulauan Nusantara Melayu yang lain.

Sultan Abdul Majid Hasan

Walaupun Salasilah Raja-Raja Brunei tidak mengaitkan Sultan Abdul Majid Hasan putera kepada Sultan Muhammad, tetapi dalam penemuan batu nisan di Jalan Residency ada mencatatkan nama baginda; Rokyah binti Sultan Abdul Majid Hasan ibnu Muhammad Shah Al-Sultan. Orang Cina menggelarkannya Ma-na-je-ka-na. Menurut sumber China, Kerajaan P'o-ni sering bertukar-tukar utusan dengan China. Pada bulan Ogos 1408 Raja P'o-ni, Ma-na-je-ka-na (Sultan Abdul Majid Hasan) dan rombongan berangkat ke Nanking, ibu Negeri China. Maharaja Yung Lo menyambut baginda dengan penuh adat-istiadat Maharaja. Namun begitu pada bulan Oktober dalam tahun tersebut baginda telah mangkat. Jenazah baginda dimakamkan di sebuah bukit di Nanking dengan penuh adat-istiadat Maharaja. (Awang Zainuddin, tt)

Anakanda baginda yang bernama Hsia-Wang pada ketika itu berumur 4 tahun. Dengan restu Maharaja China, baginda telah diisytiharkan menaiki takhta kerajaan P'o-ni. Oleh kerana Hsia-Wang masih terlalu muda, maka takhta

kerajaan dipangku oleh ninda saudaranya Bendahara Ahmad yang akhirnya bergelar Sultan Ahmad. Perbincangan berkaitan dengan Sultan Abdul Majid Hassan merupakan elemen penting yang menggambarkan betapa eratnya interaksi Peradaban Melayu di Brunei ketika itu dengan Peradaban China.

Sultan Syarif Ali

Interaksi antara peradaban Melayu dan Arab begitu erat sekali sehingga berlangsungnya perkahwinan antara puteri Sultan Ahmad dengan Syarif Ali, seorang keturunan Arab yang menjalankan kerja dakwah di Brunei. Disebabkan Sultan Ahmad tidak mempunyai putera, maka Sharif Ali ditabalkan sebagai Sultan Brunei digelar Sultan Berkat. Di sinilah lahirnya salasilah sultan Brunei seterusnya. Muzaffar Muhammad, (2003:41) telah menyenaraikan dua orang Sultan Brunei sebagai antara sultan yang terbilang dan salah-seorang daripadanya ialah Sharif Ali. Sultan Sharif Ali telah menyusun pemerintahan berdasarkan Islam dan mengukuhkan pertahanan negara dengan menitahkan rakyat membina kota dan seterusnya menegakkan syiar Islam dengan pembinaan masjid. Kerajaan Islam yang dibentuk oleh Sultan Sharif Ali, membolehkan pemerintah seterusnya seperti Sultan Bolkiah mudah membangunkan empayar Brunei sehingga berada pada kemuncaknya.

Sultan Bolkiah

Sultan Bolkiah merupakan salah seorang sultan yang memainkan peranan yang penting dalam memajukan Peradaban Melayu di Brunei. Semasa pemerintahan Sultan Bolkiah, Brunei mencapai puncak peradabannya. Pada masa itu jajahan takluknya meliputi Sarawak, Pontianak, Sambas, Banjarmasin, Sabah, Kepulauan Sulu, Palawan dan Manila. Atas usaha beliau juga Islam tersebar di kawasan tersebut. Beliau dikenali dengan gelaran Nakhoda Ragam. Pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524) sebagai zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Brunei digambarkan dalam The Philipphine Islands:

"This was the golden age of Brunei, a kingdom embracing the whole what is now Sarawak and British Borneo. Brunei sovereignty in all probability over the remainder of Borneo, as represented by what subsequently become the vassal Sultanate of Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli-tuli, Banjar and Bolongan, over the Sulu archipelago and over the islands of Balabac, Banggi, Balambangan, Mantanani and the south west of Palawan"((Blair & Robertson, tt:215)

Tidak dapat dinafikan lagi, bahawa kesultanan Melayu Brunei adalah di antara kesultanan Melayu yang masih kekal sehingga ke hari ini. Kesultanan Brunei adalah salah satu daripada sebilangan kecil kerajaan di Asia Tenggara

yang bebas dari penjajah Eropah Barat sehingga abad ke-19. Lebih-lebih lagi Kesultanan Brunei dianggap satu-satunya kerajaan yang masih mengekalkan warisan tradisi Kesultanan Melayu di alam Melayu pada hari ini. (Ranjit Singh, 1984, Izziah Suryani Arshad, 2003:322).

Kedatangan Barat ke Brunei dimulai dengan kedatangan Portugis, dikuti Sepanyol, Belanda dan akhirnya British telah menggugat pemerintahan sultan dan kesultanan Brunei Darussalam. Sedikit demi sedikit kuasa sultan terhakis dan wilayah mereka terlepas sehingga Brunei sendiri menjadi negara di bawah naungan British. Perbincangan mengenai interaksi Peradaban Melayu Brunei dengan peradaban Barat akan dibincangkan secara lebih terperinci di dalam bab 4.

1.5 Aspek Peradaban Melayu Brunei Darussalam

Sebagai sebuah kuasa besar dan berdaulat, Brunei telah mempunyai sistem politik dan pentadbirannya sendiri. Sebelum kedatangan Barat, pentadbiran Brunei adalah di bawah Sultan/Raja dibantu oleh ‘Orang-orang Bergelar’ seperti Wazir, Cheteria dan Pehin-Pehin Menteri. Sistem ini dikenali sebagai ‘orang berempat’, ‘berlapan’, ‘berenam belas’ dan ‘bertiga puluh dua’. Di antara gelaran wazir dalam pemerintahan Brunei ialah Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, Pengiran Di Gadong Sahibul Mal, pengiran

Pemancha Sahibol Rae' Wal Masyuarat dan Pengiran Temenggung Sahibol Bahar. Mereka dibantu oleh pembesar lain yang dilantik berdasarkan adat negara (Hashim Abd. Hamid, 1994:68).

Semua ini telah membuktikan bahawa tahap ketamadunan yang terdapat di Brunei pada ketika itu. Malah terdapat fakta sejarah menunjukkan terdapat satu unit politik telah wujud di sekitar Brunei berdasarkan beberapa catatan daripada pelbagai sumber bertulis

“Sebelum kedatangan Barat pada awal abad ke-16 Brunei sudah wujud sebagai sebuah negara yang mempunyai organisasi masyarakat yang teratur dan lebih kompleks sifatnya daripada masyarakat “pagan” Borneo. Sistem politik, pentadbiran, ekonomi dan ketenteraannya sudah mencapai tahap yang tinggi.”(Sabihah Osman, 1995:5)

Dari segi hubungan luar pula, sebagai sebuah kuasa besar, Brunei telah menjalin hubungan dengan kuasa luar sama ada dalam bentuk diplomatik ataupun perdagangan. Hubungan Brunei dengan pusat peradaban Melayu yang lain seperti Melaka dan Aceh adalah erat dan berjalan dengan baik. (Zainun Johari, 1989:22)